



KENANGAN .... Dr Ismail (empat kiri) menyampaikan cenderamata kepada Dr Ramesh diperhatikan Zamri (empat kanan) di Pejabat Pengarah UMS-KAL kelmarin.

## UMS-KAL jalin hubungan baik dengan Hospital Labuan

NST 29.11.2012 9

LABUAN : Universiti Malaysia Sabah Kam-pus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) akan terus menjalankan hubungan yang akrab dengan pihak Hospital Labuan.

Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata hubungan baik yang sedia terjalin antara kedua-dua pihak akan diteruskan selaras dengan hasrat Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah yang mahu UMS-KAL mengadakan kerjasama dengan jabatan dan agensi kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA (yang tunggal di Wilayah Persekutuan Labuan), UMS-KAL akan memastikan hubungan baik itu akan berkekalan untuk kepentingan pelajar, pen-syarah dan kakitangan universiti.

“ Kita juga berharap boleh mengadakan pelbagai aktiviti yang membabitkan komuniti UMS-KAL bersama-sama dengan kakitangan Hospital Labuan untuk mengeratkan lagi hubungan baik yang sudah sedia terjalin, “ katanya.

Beliau berkata demikian ketika menerima kunjungan hormat Pengarah Hospital Labuan yang baru Dr Rameshwaran A/L Muthu bersama rombongan di pejabatnya di kampus UMS-KAL, dekat sini, kelmarin.

Turut hadir Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohammad Tuah, Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Norhanizah Adnan dan Penolong Jurutera Kanan, Mohd Azrie Ag Tanjong. -Oleh **JAINUDIN DJIMIN** [jainudin@newsabah-times.com.my](mailto:jainudin@newsabah-times.com.my)